



GERAKAN MEMBACA DI MALAYSIA: KE MANA ARAHNYA?

Oleh
ROHANI RUSTAM*

Bahawa minat membaca masyarakat Malaysia masih rendah sudah menjadi satu kenyataan umum. Sungguhpun kadar celek huruf bagi negara ini dikatakan tinggi iaitu 74% berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara, namun keadaan tersebut tidak pula seimbang dengan keperluan buku dan keinginan membaca. Keadaan ini akan jelas kelihatan jika dilihat jumlah penerbitan Malaysia yang dihasilkan pada tiap-tiap tahun:

* Statistik buku dewasa dan kanak-kanak (tidak termasuk buku teks).

	Dewasa	Kanak-Kanak
1985	2,146 judul	408 judul
1986	1,267 judul	790 judul
1987	1,109 judul	793 judul
1988	1,969 judul	1,035 judul

Sungguhpun trend bagi buku kanak-kanak boleh dibanggakan, tetapi judulnya masih rendah. Mengikut Menteri Pendidikan Malaysia, negara memerlukan 5,000 judul buku kanak-kanak tiap-tiap tahun. Berlainan pula dengan buku-buku dewasa. Jumlah judulnya menurun bagi tahun 1986-87 dan meningkat sedikit bagi tahun 1988. Kemelesetan ekonomi yang dialami di dalam tahun 1986-87 telah menjejaskan pengeluaran penerbitan kita.

Apa yang lebih aneh lagi ialah situasi di mana institusi pengajian tinggi di Malaysia sudah bertambah dan jumlah siswazah juga bertambah, namun jumlah penerbitan yang dihasilkan tidak setimpal dengan bilangan masyarakat yang boleh membaca. Keadaan tersebut telah mengejutkan DBP khususnya Sdr. M. Noor Azam (Ketua Bahagian Penerbitan Am) untuk melancarkan Gerakan Membaca di dalam tahun 1980 dengan tujuan untuk memecahkan lingkaran ganas buku dan pembacaan. Apabila Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) digerak semula oleh Kementerian Pendidikan dengan melantik Datuk Hassan Ahmad selaku Pengerusinya, maka Projek Gerakan

Membaca diserahkan kepada MKBK. Dengan peruntukan sejumlah \$10,000 yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan, MKBK meneruskan projek Gerakan membaca.

Kempen untuk menyedarkan masyarakat Malaysia tentang pentingnya buku di dalam kehidupan harian kita sudah lama dimulakan, sejak 1972. Beberapa institusi dan persatuan yang berminat telah menganjurkan kegiatan membaca secara ad hoc tanpa perancangan yang menyeluruh. Hanya apabila Gerakan Membaca dilancarkan oleh Datuk Musa Hitam selaku Menteri Pendidikan pada waktu itu, barulah Gerakan tersebut dapat bergerak dengan lebih lancar dan teratur. Pada umumnya, Gerakan Membaca mempunyai empat strategi iaitu:

1. Menyedarkan masyarakat betapa pentingnya buku dan pembacaan bagi masyarakat moden.
2. Menerbitkan lebih banyak buku untuk memenuhi keperluan masyarakat membaca.
3. Memastikan buku sampai kepada pembaca terutama sekali bagi mereka yang berada di desa, melalui rangkaian pasaran yang berkesan.
4. Memastikan lebih banyak lagi perpustakaan setempat ditubuhkan terutama di desa-desa.

Minat Membaca

Apakah yang dimaksudkan dengan minat membaca? Seseorang yang mempunyai minat membaca yang tinggi, akan merasakan perlunya dia membaca, membuat keputusan secara sukarela untuk membaca dan memilih judul yang hendak dibacanya, berusaha mendapatkan bahan tersebut dan secara aktif menggunakan akal budi untuk memahami dan menggunakan ilmu yang diperolehi daripada membaca tadi. Apabila tiap-tiap orang daripada masyarakat kita mengambil bahagian di dalam proses tersebut, maka barulah kita boleh mengatakan bahawa masyarakat kita ialah masyarakat yang membaca. Inilah inti Gerakan Membaca, yang sebenarnya merupakan kempen untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kita membaca di dalam dunia moden ini, dunia media cetak.



Maka Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan pun ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh YB Sdr. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia. Ahli-ahli terdiri daripada semua Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca peringkat negeri, tokoh-tokoh di dalam industri buku dan beberapa tokoh di dalam media massa yang dilantik oleh Menteri Pendidikan sendiri.

Projek Besar

Sehingga kini beberapa projek dan usaha yang telah dilaksanakan boleh dianggap telah memberikan harapan yang membanggakan:

1. Pesta Buku Malaysia yang berjaya diadakan pada tiap-tiap tahun sejak 1982.
2. Hadiah Buku Malaysia yang diberikan kepada para penerbit Malaysia untuk menggalakkan penerbitan yang lebih bermutu.
3. Kursus-kursus penerbitan yang diadakan dari semasa ke semasa dibiayai oleh pihak Unesco.
4. Dasar Buku Negara yang telah diterima pada prinsipnya oleh Kerajaan.
5. Projek Perpustakaan di Rumah yang dilancarkan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sejumlah 10,000 naskhah risalah Panduan yang dicetak telah habis diedarkan.
6. Projek Peningkatan Perkhidmatan Perpustakaan

Rakyat, dengan menjadikan anak angkat beberapa perpustakaan rakyat kepunyaan KEMAS dan diberikan bantuan latihan dan kewangan.

Soalnya sekarang, ke manakah arah kempen membaca ini? Daripada pandangan yang dikemukakan melalui akhbar ataupun peribadi, ada semacam "consensus" bahawa Gerakan membaca perlu diteruskan untuk mencapai matlamat MKBK membina masyarakat Malaysia yang tinggi minat membacanya menjelang tahun 2000. Sama ada bentuk kegiatannya akan diteruskan seperti yang sedia ada atau akan difikirkan kegiatan dan cara yang lebih berkesan, terserahlah kepada para pemimpin MKBK untuk menentukannya. Yang nyata, MKBK dengan strukturnya yang sedia ada, tidak akan mampu menjadi penyelaras yang berkesan.

Saya kira inilah peluang yang baik bagi para pustakawan untuk tampil ke muka, menunjukkan kemampuan perpustakaan mereka untuk menjayakan Gerakan Membaca. Sementara ada perpustakaan yang begitu aktif memperkenalkan kegiatan mereka, masih ada yang tidak memainkan peranan yang diharapkan. Saya percaya apabila masyarakat dapat merasakan perlunya sesebuah perpustakaan itu, barulah para pustakawan mendapat tempat serta pengakuan di dalam masyarakat tersebut. Di dalam lingkungan masyarakat yang tidak membaca, perpustakaan tidak ada gunanya.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

